

22/05/1997

Pirelli Cables dapat kontrak MSC

PIRELLI Cables baru-baru ini memenangi kontrak utama untuk membekalkan kira-kira 2,000 kilometer kabel optik gentian bernilai enam juta paun sterling (kira-kira RM24 juta) yang akan digunakan sebagai prasarana Koridor Raya Multimedia (MSC), kata pengerusi Agensi Pembangunan Wales David Rowe-Beddoe.

Rowe-Beddoe, yang mengikuti penerangan mengenai MSC oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di London melalui hubungan video secara langsung dari Cardiff, Wales, menganggap MSC sebagai salah satu projek pembangunan ekonomi paling berani dan bercita-cita tinggi di dunia.

"Ini adalah jangkauan kepada masa depan dalam era maklumat dan secara jujur saya berharap syarikat Wales boleh menyertainya," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur.

Rowe-Beddoe melawat Malaysia bulan lalu untuk memperkenalkan syarikat negaranya di Malaysia. - Bernama

(END)